

KRONOLOGI INISIATIF *MYGIFT* UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

- 2013**
- Bencana banjir yang melanda Semenanjung Malaysia terutamanya di Pantai Timur bukan sahaja memusnahkan penempatan penduduk malahan turut menjejaskan sekolah dan kemudahan awam yang lain.
- Justeru, seramai 8,676 orang sukarelawan Universiti Awam (UA) terlibat dalam operasi bantuan yang diselenggarakan melalui Bilik Kawalan Operasi Bencana (BKOB) UMP. Melalui Jawatankuasa Bertindak Bencana Peringkat Universiti ini juga UMP melancarkan beberapa program sebagai usaha menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir negeri Pahang dan Pantai Timur antaranya program 1 Staf 1 Bantal yang dijalankan pihak Persatuan Wanita UMP (Matahari), 1 Makmum 1 Sejadah dan Dana Wakaf Rumah Kontena yang dijalankan UMP dengan kerjasama UMP Innovest Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat UMP Holdings Sdn. Bhd.
- Sebanyak RM 58,185.35 sumbangan wang tunai, 100 tan sumbangan makanan dan sumbangan UMP berjumlah RM 10,000 kepada Tabung Bantuan Banjir disumbangkan kepada pihak yang memerlukan.
- 2014**
- Perkongsian Pintar antara universiti dalam Seminar World University Forum di Georgio, Savannah yang telah dihadiri oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim mencetuskan idea penubuhan endowmen sebagai saluran sumbangan endowmen universiti untuk tujuan tajaan pelajaran, penyediaan kemudahan prasarana kepada pelajar mahupun membudayakan semangat membantu golongan yang memerlukan.
- 11 Mac 2015**
- Penubuhan Jawatankuasa Sementara Endowmen dalam melakar dan menghasilkan inisiatif endowmen dan penamaan *MyGift* sebagai jenama.
- 10 Mei 2015**
- Lawatan Penanda Aras di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- 8 Jun 2015**
- Lawatan Penanda aras di Universiti Malaya (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).
- 22 Jun 2015**
- Pelancaran Portal *MyGift* UMP.

- 14 - 16 Ogos 2015** Bengkel *MyGift* 'Polisi, Promosi, Strategi' di Royale Chulan Hotel yang dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi Universiti, Dekan dan Pengarah.
- 29 September 2015** Penyerahan Inisiatif *MyGift* kepada Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti (JHKK), UMP.
- 17 Oktober 2015** Pra-Pelancaran *MyGift* sempena Expoconvo UMP 2015 oleh ahli Lembaga Pengarah UMP, Yang Hormat Dato' Haji Ahmad Azmey Haji Abu Talib di UMP Kampus Gambang.
- 10 Mei 2016** Lantikan Ahli Lembaga Pemegang Amanah (LPA) *MyGift*.
- 17 Mei 2016** Sumbangan *MyGift* sempena bulan Ramadan berjumlah RM 91,000.00 bagi aktiviti Iftar dan sahur kepada warga UMP.
- 1 Jun 2016** Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah (LPA) *MyGift* kali pertama di Premiera Hotel, Kuala Lumpur.
- 20 Julai 2016** Majlis Apresiasi Autonomi dan *MyGift* di Ancasa Royale Hotel, Pekan, Pahang. Sumbangan daripada Pusat Tanggungjawab di UMP sebanyak RM 1,807,727.09 dimasukkan ke dalam Endowmen Basiswa Pelajar.
- 25 Ogos 2016** Majlis Ramah Mesra UMP-Industri di Seri Pasific Hotel, Kuala Lumpur yang turut dihadiri oleh 50 industri di Malaysia.
- 28 Ogos 2016** Penyerahan bantuan Insentif Pendidikan RM1,000 kepada pelajar yang mempunyai masalah kewangan sempena kemasukan pelajar baharu sesi 2016/2017.
- 3 September 2016** Kejohanan Golf Amal *MyGift* UMP 2016 di Glenmarie Golf & Country Club, Selangor yang disempurnakan oleh KDYMM Sultan Pahang.
- 17 September 2016** Kejohanan Golf Amal *MyGift* UMP 2016 di Mahkota Golf & Country Club, Kuantan, Pahang yang disempurnakan oleh KDYTM Tengku Mahkota Pahang.
- 1 Oktober 2016** Majlis Pelancaran *MyGift* oleh KDYMM Sultan Pahang di Mandarin Oriental, Kuala Lumpur dan pengurniaan biasiswa kepada 10 orang mahasiswa UMP.